

Dr M tak patut serang Pak Lah di khalayak

AKHIR-AKHIR ini banyak yang diperkatakan mengenai kritikan Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Secara khusus, kita turut diingatkan bahawa serangan sedemikian akan berterusan selagi beberapa persoalan yang dibangkitkan oleh Dr Mahathir belum dijawab oleh kerajaan.

Pertamanya, saya ingin menarik perhatian bahawa sesiapa saja rakyat Malaysia yang membaca akhbar secara kerap akan mendapati bahawa kerajaan sudah berulang kali menjelaskan bagaimana keputusan berkaitan pembatalan jambatan bengkok merentasi Selat Tebrau, Dasar Automotif Kebangsaan dan penjualan MV Agusta dibuat.

Jemaah menteri, pegawai kanan kerajaan dan eksekutif kanan dari syarikat berkaitan kerajaan yang terbabit sudah menangani isu-isu ini dengan panjang lebar dan setengahnya membabitkan butir-butir proses membuat keputusan.

Kedua, jika Dr Mahathir yang sudah bekerjasama dengan Abdullah bagi suatu tempoh yang panjang, masih tidak berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan mengenai isu berkenaan, seharusnya boleh menyalurkan pandangannya secara lebih berhemah dan sulit.

Sebagai contoh, seperti yang disahkan sendiri oleh seorang pegawai Dr Mahathir dalam suratnya kepada *New Straits Times* pada 12 Jun lalu, Abdullah yang meminta untuk menemui bekas Perdana Menteri itu ketika kedua-duanya berada di Tokyo pada 26 Mei.

Berdasarkan kepada luahan perasaan Dr Mahathir baru-baru ini, apa

yang boleh diandaikan ialah beliau telah memendam perasaan sejak sekian lama.

Ini membawa kepada kesimpulan bahawa adalah lebih berhemah untuk Dr Mahathir memanfaatkan pertemuan di Tokyo itu untuk meluahkan isi hatinya terhadap dasar kerajaan.

Sekalipun masa amat suntuk (difahamkan pertemuan itu cuma 10 minit), Dr Mahathir seharusnya boleh memaklumkan kepada Abdullah terhadap hasratnya untuk kedua-duanya mengadakan pertemuan berasingan sekembalinya ke Malaysia untuk membincangkan perkara penting.

Saya adalah antara yang percaya bahawa Abdullah tidak akan berlelah untuk menemui Dr Mahathir setelah pulang dari Tokyo berdasarkan rasa hormat terhadap bekas ketuanya.

Sebaliknya, sesiapa saja boleh membuat kesimpulan bahawa perbincangan seperti itu tidak berlaku.

Apa yang berlaku ialah kurang dua minggu selepas pertemuan di Tokyo itu, Dr Mahathir membuat serangan peribadi dan terbuka terhadap Abdullah.

Kalaulah benar Dr Mahathir ikhlas dalam menuntut jawapan atau penjelasan, kenapa beliau tidak memaklukkannya kepada Abdullah ketika berpeluang berbuat demikian di Tokyo?

Kenapa Dr Mahathir tidak menyatakan apa-apa ketika itu dan sebaliknya menunggu peluang di khalayak untuk melancarkan serangan ke atas Abdullah?

TANDA TANYA
Alor Gajah, Melaka.